

D080

U B468 AAB

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

MAHATHIR - BANK

(I)

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN MASYARAKAT BANK MENANAMKAN SIFAT AMANAH DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTANYA.

BAGI MASYARAKAT BANK TIDAK ADA NILAI YANG LEBIH PANTING DARIPADA SIFAT AMANAH. TANPA AMANAH, BANK TIDAK BOLEH BERFUNGSI, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS JAMUAN MAKAN TAHUNAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN MALAYSIA DI SINI MALAM INI.

AHLI-AHLI BANK KANAN MESTILAH MEMPUYAI KEWIBAWAAN YANG TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

JIKA ADA SESETENGAH MEREKA YANG MERASAI MEREKA TIDAK PERLU DIINGATKAN MENGENAI SIFAT ITU KERANA MEREKA TELAH PUN MENGETAHUINYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA + KITA JUGA MENGETAHUI BAHAWA ADA SEBILANGAN ORANG DALAM INDUSTRI BANK TERUTAMA PADA PERINGKAT BAWAHAN YANG TIDAK BEGITU AMANAH SEPERTI YANG KITA KEHENDAKI.

+ KITA TIDAK MAHU ANDA MELAKUKAN HARA-KIRI ATAUPUN SEPPUKU APABILA PEGAWAI-PEGAWAI BAWAHAN ANDA GAGAL+ TETAPI MEREKA JANGANLAH LALAI MENJALANKAN TUGAS PENYELIAAN YANG DIPERLUKAN, KATANYA. -- LAGI
1947MST 19 08 85

MAHATHIR - BANK 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

BELIAU KESAL DENGAN KEWUJUDAN SIKAP + MENJADI KAYA DENGAN CEPAT+. ORANG-ORANG MISKIN JUGA KINI BERPENDAPAT BAHAWA MEREKA BOLEH MENJADI JUTAWAN DALAM SEKELIP MATA TANPA USAHA APA-APA, UJARNYA.

KATANYA, INI BUKAN SAHAJA SATU SIKAP YANG TIDAK SIHAT TETAPI BOLEH JUGA MEMBAWA KEPADA AMALAN-AMALAN PENIPUAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN BAHAWA KEMAKMURAN HASIL PENIPUAN TIDAK AKAN KEKAL.

+ ADA ORANG YANG MEMILIKI SYARIKAT YANG DISENARAikan DAN KEMUDIAN MENAMBAHKAN ASETNYA, MENILAI SEMULA DAN BERGABUNG DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT LAIN BAGI MEWUJUDKAN EMPAYAR PERNIAGAAN,+ KATANYA.

HAKIKATNYA IALAH PERNIAGAAN TIDAK BERJALAN DAN ORANG RAMAI KERAP KALI DITIPU, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI
1957MST 19 08 85

MAHATHIR - BANK 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA PARA PENGUSAHA BANK ADALAH +PELINDUNG KEKAYAAN+ DAN MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MENGHALANGI PERCANTUMAN DAN PENGAMBILALIHAN.

MENGENAI KEADAAN EKONOMI MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT HAMPIR BERAKHIR DAN +KITA SEKARANG HAMPIR MELANGKAH MEMASUKI ERA YANG BELUM PASTI. +

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA GOLONGAN BERSIKAP PESIMISTIK YANG BERPEGANG KEPADA PERIBAHASA + SEPERTI KATAK DI BAWAH TEMPURUNG + LUPA BAHAWA WALAUPUN DUNIA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI, TETAPI MALAYSIA DAPAT MENGEKALKAN PERTUMBUHAN EKONOMINYA MELEBIHI LIMA PERATUS SETIAP TAHUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA HASIL DARIPADA LANGKAH BERJIMAT CERMAT OLEH KERAJAAN. SIMPANAN LUAR BANK NEGARA MENINGKAT SEBANYAK HAMPIR \$1 BILLION SEJAK AWAL TAHUN INI.

MENGENAI MEREKA YANG MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA USAHA MENDAPATKAN SUBSIDI DAN PERLINDUNGAN TARIF DARIPADA KERAJAAN, BELIAU BERKATA BAHAWA PERLINDUNGAN ITU AKAN DIBERI HANYA JIKA PERLU SAHAJA.

-- LAGI

1959MST 19 08 85

DD94

U B473 AAB

MAHATHIR - BANK 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

MENGENAI INDUSTRI BANK, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA INDUSTRI ITU TERUS BERKEMBANG WALAUPUN INDUSTRI LAIN MENGHADAPI KEMELESETAN.

BERHUBUNG DENGAN KELONGGARAN PERATURAN BANK, BELIAU BERKATA BAHAWA LANGKAH INI DIHARAPKAN AKAN MEMBOLEHKAN BANK MENEROKAI BIDANG BARU YANG LEBIH MENGUNTUNGGAN DI SAMPING MEWUJUDKAN MASYARAKAT BANK YANG LEBIH CEKAP DAN BERTANGGUNGJAWAB.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA PADA DASARNYA, KERAJAAN MEMBENARKAN BANK MENEROKAI BIDANG BARU PERNIAGAAN TETAPI MEREKA TIDAK DIBENARKAN MELANGGAR PERATURAN-PERATURAN YANG DITETAPKAN. -- BERNAMA

2012MST 19 08 85